

07/07/1997

Ummah perlu perkukuh diri hadapi globalisasi

Faizal Fadzil

CABARAN globalisasi sering dibabitkan dengan alaf baru sebagai landasan untuk menyedarkan masyarakat supaya tidak lena dan selesa dengan keadaan mereka.

Dalam ucapan di Simposium Antarabangsa Mengenai Dunia Islam Dan Kerjasama Global di Petaling Jaya April lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengingatkan umat Islam supaya bersedia mengukuhkan diri untuk menghadapi globalisasi.

Beliau menyifatkan proses globalisasi yang dipelopori Barat bermatlamat memecahkan segala benteng negara bagi membolehkan mereka menceroboh sempadan sedia ada untuk mengembalikan semula imperialisme ekonomi.

Justeru, Persidangan Globalisasi: Persepsi, Pengalaman Dan Tindak Balas Tradisi Agama Dan Masyarakat Berbudaya Di Rantau Asia Pasifik, yang berlangsung di ibu negara minggu lalu turut berusaha mencari jawapan terbaik bagi menghadapi serangan globalisasi.

Persidangan anjuran Pergerakan Antarabangsa Untuk Dunia Yang Lebih Adil (Just) itu, membicarakan persoalan globalisasi agama dan kebudayaan yang membabitkan perspektif Islam, Buddha, Kristian, Confucious, Hindu dan Indigenous.

Dalam ucapan perasmian persidangan itu, Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, melihat kepentingan agama akan menjadi tenaga paling penting menolak kecenderungan ke arah keseragaman akibat globalisasi.

Beliau juga melihat globalisasi sebagai elemen positif yang membolehkan penganut pelbagai agama saling memahami dan menghormati kepercayaan masing-masing demi kesejahteraan bersama.

Justeru, gabungan pandangan kedua-dua pemimpin itu mengenai globalisasi boleh dijadikan garis panduan asas kehidupan masyarakat Asia - Islam dan bukan Islam.

Dari satu sudut, agama dijadikan sebagai benteng yang boleh membina ketahanan diri daripada serangan pemikiran Barat yang mungkin bermatlamat mengembalikan imperialisme ekonomi.

Agama dijadikan ketahanan diri yang kukuh supaya masyarakat di Asia tidak mudah menjual maruah dan kepentingan negara kepada Barat demi kepentingan peribadi masing-masing.

Ajaran agama yang menggariskan persoalan nilai, kejujuran, tingkah laku, etika, kesucian dan peraturan boleh dijadikan sandaran supaya kepentingan agama dan negara tidak digadaikan untuk memuaskan kehendak pelopor globalisasi moden Barat.

Nilai terbaik dalam agama boleh menjadi benteng moral terhadap serangan globalisasi yang beria-ia berusaha merobohkan perlindungan ekonomi negara Islam dan Asia secara keseluruhannya.

Mengelakkan diri daripada sifat yang dibenci agama seperti tamak, khianat, belot, tidak jujur dan malas mampu memastikan imperialisme ekonomi Barat tidak lagi mampu bertapak di rantau ini.

Dari sudut yang lain, persefahaman dan saling mempercayai antara penganut pelbagai agama boleh menjadi kubu Asia daripada pelbagai helah pendukung globalisasi yang mungkin menggunakan agama untuk memecah-belahkan masyarakat rantau ini bagi mengembalikan penjajahan ekonomi.

Jika penjajahan Barat sebelum ini tidak sukar merosakkan kepercayaan dan persefahaman antara masyarakat seagama di sesebuah negara, tidak mustahil serangan pemikiran menerusi globalisasi boleh menghancurkan persefahaman dan kepercayaan antara penganut agama yang berbeza di rantau ini.

Justeru, masyarakat Asia juga harus memastikan globalisasi dijadikan landasan terbaik untuk memantapkan persefahaman agama.

(END)